




REMBAU



**Daerah Kecil
Berjiwa Besar**

REMBAU

Daerah Kecil Berjiwa Besar

Penerbitan Ke-7
Ibu Pejabat Kerajaan Negeri,
Negeri Sembilan.

Cetakan Pertama:
Mac 1982

Dicetak oleh
Utusan Printcorp Sdn. Berhad., Kuala Lumpur.



KATA-KATA ALUAN



Buku kecil pembangunan Daerah Rembau ini kami sediakan dalam bentuk dan bahasa yang sedemikian mudah bagi mendedahkan kita kepada hakikat sebenar pembangunan di daerah kita ini.

Mungkin sudah ramai dari kalangan kita yang sudah kenal biasa dan arif dengan pembangunan di daerah kita yang maju ini. Tetapi elok kita baca dan kita teliti lagi agar tepat bak kata bidalan orang kita "Lancar kaji dek dibaca, lancar jalan dek dilalui".

Dengan lancar dan terangnya tadi akan mudah pulalah kita mengikis segala angkara yang hendak menidakkan ke-luhuran kita dulu semasa memberi mandat kepada kerajaan Barisan Nasional untuk menunaikan apa yang dapat kita lihat di hadapan mata kita hari ini.

Inilah jasa kita sendiri. Inilah pilihan yang kita buat sendiri, dan kami yakin kita akan terus berbuat begini, iaitu menyokong dan mengekalkan kerajaan Barisan Nasional kita, agar menjelang tamatnya tempoh Rancangan Malaysia Keempat ini, lebih tebal dan menarik buku ini dapat kita hidangkan untuk bacaan dan tatapan kita.

Cuma yang kami harap kita semua akan terus kekal kepada prinsip budaya Melayu kita yang berpegang teguh kepada bidalan "Ada ubi, ada batas" dan terus merestui hajat kita sendiri untuk maju di bawah payung kerajaan kita yang ada hari ini.

Akhir kata salam takzim dan selamat sejahtera kepada kita semua.

DATO' RAIS YATIM
Menteri Besar,
Negeri Sembilan.

SEREMBAN:
15hb. Februari, 1982.



Datuk Mokhtar Hashim



YB. Dato' Mohd. Yazid Baba (Terentang)



YB. Encik Mohd. Isa Dato' Abdul Samad (Linggi)



YB. Encik Dahalan Aman (Kota)






Encik Zainal Abidin Mohd. Ali



Pejabat Daerah Rembau.




REMBAU


sepintas lalu

REMBAU, yang wujud sebagai sebuah daerah yang terkecil di Negeri Sembilan ini, mempunyai beberapa ciri yang unik. Penduduknya yang seramai 36,296 orang itu, yang mana 26,812 orang terdiri dari kaum Melayu, sangat berpegang teguh kepada hidup bermasyarakat berdisiplin di bawah naungan Adat Pepateh.

Model Kompleks Pejabat Daerah Rembau yang sedang dalam pembinaan.



**Kompleks
Pejabat
Daerah
yang
baru
untuk
keselesaian
rakyat
berurus.**



**Kompleks Dewan Merdeka – Kompleks
riadah dan serbaguna.**

Rakyat Malaysia dari lain-lain keturunan, iaitu 5,544 Cina, 3,516 India dan 424 dari lain-lain bangsa, saling mendukung cita-cita muhibah senegara.

Daerah pertanian yang seluas 254 km persegi atau 41,721 hektar ini ditadbirkan oleh sebuah Majlis Daerah yang baru disusun semula yang mana di dalamnya terletak 17 buah mukim. Lima orang penghulu diamanahkan mentadbir mukim-mukim ini dengan dibantu oleh 36 buah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Mereka sama membantu Pegawai Daerah, Encik Zainal Abidin bin Mohd. Ali.


Sistem pentadbiran daerah yang mengikut sistem pentadbiran negeri dan persekutuan telah berjalan amat lancar sekali. Kerjasama erat yang wujud dari semua peringkat telah menjadikan daerah Rembau ini sebagai salah sebuah daerah yang cepat rentak pembangunannya.

YAM. Undang Luak Rembau, yang menjadi Ketua Adat dan Agama di daerah ini turut mengambil berat tentang pembangunan daerah ini.

Pendek kata adat yang didukung yang menitikberatkan disiplin dan perpaduan masyarakat itu benar-benar didukung dan dilaksanakan.

Sebagaimana pentadbiran di peringkat persekutuan dan negeri, daerah ini juga ditadbirkan berpandu kepada Dasar Ekonomi Baru, yang mana dua matlamat asasnya ialah membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Untuk mendukung matlamat dan cita-cita ini, kerajaan Barisan Nasional dari semua peringkat pentadbiran telah menyusun projek-



Model Kompleks Serbaguna Rembau — Dewan Merdeka.

projek yang boleh diterima oleh rakyat dan boleh menambah baik taraf hidup rakyat.

Baik pegawai daerah, baik wakil rakyat Barisan Nasionalnya, baik rakyatnya, cita-cita untuk maju itu mesti dikota. Dan masyarakat daerah Rembau ini telah mengotakan cita-cita itu.

RMT dan pencapaiannya.

Sejak 1978, tempo pembangunan di daerah ini nampak begitu rancak sekali. Pejabat Daerah sahaja telah membelanjakan kira-kira \$2.5 juta bagi melaksanakan 247 projek. Dari jumlah itu \$1.09 juta dibelanjakan dalam tahun 1981.


Hasil dari kerjasama erat antara rakyat

dengan kerajaan, pencapaian projek-projek kelolaan Pejabat Daerah ini ialah 95.6 peratus.

Pejabat Daerah

Bagi menjamin sistem pentadbiran yang lebih licin dan keselesaan yang lebih baik kepada pegawai, kakitangan dan rakyat menguruskan soal pembangunan negeri, sebuah kompleks Pejabat Daerah yang baru telah pun dibangunkan dengan belanja \$3.9 juta.

Kompleks yang serba moden dan lengkap ini akan menempatkan sembilan buah jabatan kerajaan. Dengan ini masyarakat tidak perlu lagi bersusah payah menjelajah dari satu bangunan



Sebuah pusat pertumbuhan dalam pembinaan di Pedas.

ke satu bangunan yang lain untuk menguruskan masalah masing-masing.

Sebuah lagi kompleks pejabat Majlis Daerah dan Dewan Masyarakat yang diberi nama Dewan Merdeka, juga sedang dibangunkan dengan belanja \$1.9 juta. Kedua-dua kompleks ini dijangka dapat digunakan sepenuhnya menjelang akhirnya tahun 1982 ini.

Agama Islam

Agama, merupakan teras utama hidup berdisiplin dan harmoni. Kerajaan Barisan Nasional sering mementingkan projek-projek keagamaan ini bagi mendorong rakyat lebih bersatu dan akur kepada ajaran-ajarannya.

Di daerah Rembau ini kerja-kerja membina, membaiki dan membesarkan masjid dan surau telah dilaksanakan dengan jayanya. Dalam tempoh empat tahun kebelakangan ini 42 buah masjid dan 263 buah surau baru dibina.

Selain dijadikan tempat beribadat, masjid dan surau ini juga digunakan untuk mengajar agama, di mana kelas-kelas agama, fardu ain dan ceramah-ceramah keagamaan seringkali diadakan.

Di samping itu pelajaran agama juga tidak dilupakan. Setakat ini dua buah sekolah agama telah didirikan di daerah ini, iaitu Sekolah Agama Menengah Rendah Rembau dan Gadong.

Pertanian

Memandangkan pertanian menjadi sektor utama ekonomi daerah dan rakyatnya, berbagai usaha dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional ke arah meninggikan taraf hidup para petani di daerah ini.

Bantuan dan subsidi pertanian disampaikan kepada rakyat dengan banyaknya.

Risda

Dalam bidang pertanian ini, pekebun kecil getah merupakan sektor masyarakat yang teramai. Terdapat 6,048 orang pekebun kecil getah di daerah ini yang mengusahakan 11,252 hektar kebun getah, atau 27 peratus dari keseluruhan tanah di daerah ini.

Risda, yang bertanggungjawab membela nasib pekebun getah telah menanam semula



Masjid-masjid baru dibina untuk keselesaan rakyat beribadat.



Mini
Estet
Risda
di Penajis



Berladang secara ekonomik dan integrated begini memang digalakkan oleh kerajaan. Gambar menunjukkan satu contoh ladang integrated di Penajis, Rembau.

7,143.8 hektar kebun getah yang dimiliki oleh 5,134 orang pekebun kecil dalam tahun 1981.

Dua puluh lapan buah Pusat Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil (PPK) telah juga didirikan oleh Risda untuk membantu para pekebun kecil menghasilkan getah keping bermutu tinggi. Khidmat nasihat dan seliaan juga dijalankan oleh Risda untuk faedah masyarakat.


Untuk pekebun kecil yang pegangan hakmilik mereka terlalu kecil untuk dimajukan secara persendirian, Risda mengajukan skim berkelompok yang diasaskan di atas sistem Mini Estet. Dua buah mini estet Risda dimajukan di daerah ini yang mana keluasannya ialah 216.4 hektar.

In-put

Dalam sektor pertanian yang lain pula, subsidi dan pemberian "in-put" pertanian yang bernilai lebih kurang \$634,506 telah dibelanjakan dalam tempoh 1978-1981 di daerah Rembau ini.

Subsidi ini termasuklah untuk projek pemulihan sawah, pemuliharaan dusun dan rancangan tanaman jangka pendek serta selingan. Usaha ini dijalankan secara bersendirian atau berkelompok.

Tanah terbiar, tidak dapat tidak terus juga wujud di daerah ini. Bagaimanapun, kerajaan Barisan Nasional negeri tidak membiarkan masalah itu terbiar begitu saja. Berbagai usaha sedang dan akan dilaksanakan agar tanah subur yang ditumbuhi lalang dan belukar itu menjadi sebidang tanah yang kaya dengan hasil pendapatan yang lumayan.




Sebuah kolam ikan yang diwujudkan di kawasan tanah terbiar.



Taliair begini memang banyak terdapat di Rembau.

Pusat pemasaran FAMA yang baru dibina di Cengkau.



Ikan

Tanah sawah yang terbiar atau tanah paya yang dipenuhi lopak-lopak air kini digalakkan untuk dimajukan menjadi kolam-kolam ikan air tawar. Projek yang diusahakan oleh Jabatan Perikanan ini mula menarik minat ramai penduduk di daerah ini.

Setakat ini 31 orang mendapat bantuan Jabatan Perikanan untuk membuat kolam ikan air tawar yang jumlahnya hari ini ialah 9.5 hektar. Bantuan sehingga \$3,000 bagi setiap kolam beserta subsidi anak ikan dan dedak diberi kepada setiap petani yang menyertai rancangan sampingan yang sangat menguntungkan ini.



Suatu kebun sayur belia di Cembong "A" yang dimajukan melalui in-put kerajaan.



Haiwan

Bagi menambah lagi pendapatan para petani, bantuan lembu pawah juga dilaksanakan, di mana setakat ini 2,635 ekor lembu pawah telah diagih-agihkan kepada 142 orang penduduk. Jabatan Haiwan yang bertanggungjawab di atas projek ini juga memajukan padang-padang ragut untuk pemeliharaan lembu di bawah skim ini.

Walaupun daerah ini kecil, tetapi usaha membuka tanah untuk rakyat masih dijalankan oleh kerajaan Barisan Nasional, melalui agensi-agensi pelaksanaanya.

Hasil petani dipasarkan.

Pembukaan tanah

Felcra setakat ini memajukan 426 hektar tanah yang menempatkan 180 keluarga peserta. Kerajaan negeri pula membuka kira-kira 2,171 hektar tanah di bawah skim tanah pinggir yang menempatkan 1,585 keluarga peserta.

Pemasaran

Satu lagi bidang penting yang turut mendapat perhatian kerajaan Barisan Nasional ialah masalah pemasaran hasil pertanian para petani.

Bagi menyelesaikan masalah ini, Lembaga Pemasaran Pertanian (FAMA) telah membina sebuah pusat pemasaran pertanian di daerah ini. Pusat tersebut yang terletak di Cengkau dibina dengan belanja \$214,000 dan memulakan urusan pengendalian pemasarannya Februari ini.

Walaupun penghasilan pertanian di daerah Rembau ini dianggap sebagai memuaskan, namun kerajaan masih belum berpuas hati. Langkah-langkah yang lebih berkesan terus dirancang dan diambil bagi menambah baik lagi penghasilan untuk menambah pendapatan para petani, yang sekaligus memperbaiki taraf hidup mereka.

Pertanian Bersepadu

Salah satu langkah yang diambil ialah mewujudkan rancangan pertanian bersepadu yang digelar Negeri Sembilan Timur (NST). Rancangan NST yang dianggarkan menelan



Kawasan dusun di Kampung Batu ini akan mendapat faedah pemulihan dari rancangan Negeri Sembilan Timur.

belanja \$121 juta itu meliputi lima daerah di kawasan timur Negeri Sembilan iaitu Rembau, Tampin, Jempol, Kuala Pilah dan Jekebu.

Keseluruhan penduduk petani daerah Rembau terlibat dalam rancangan bersepadu itu yang dirancang dan dilaksanakan secara kerjasama tiga pihak iaitu Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Bank Pembangunan Asia.

Antara rancangan yang bakal dilaksanakan di bawah rancangan ini termasuklah kerja-kerja penyediaan kemudahan asas yang lebih baik dan sempurna seperti jalan ladang, tali air, khidmat nasihat yang lebih sempurna. Langkah-langkah itu dijangka dapat menggerakkan para petani untuk hidup dengan lebih sempurna.

Khusus bagi daerah Rembau, rancangan NST akan mewujudkan sebuah Pusat Latihan Perladangan Berjentera di Cembong dengan belanja \$70,000. Pusat tersebut akan memberi latihan kejenteraan ladang kepada kakitangan jabatan, agensi-agensi pelaksana, belia dan petani.

Sebuah pejabat cawangan tanah dan analisa juga diwujudkan di Cembong dengan belanja yang sama.

Bagi seluruh Negeri Sembilan belanja \$18.8 juta dikeluarkan bagi berbagai rancangan NST bagi tempoh setahun 1981.

Kemudahan Asas

Air, elektrik, jalan, kemudahan kesihatan, kemudahan pelajaran dan perhubungan telefon serta pos merupakan keperluan-keperluan hidup yang perlu untuk ketinggian keadaan hidup sesebuah masyarakat itu.

Di daerah Rembau, kerajaan Barisan Nasional menyediakan ini semua untuk rakyat.

Air

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan Negeri membelanjakan kira-kira \$682,000 untuk membekalkan air paip ke-36 buah kampung di daerah Rembau ini yang memberi faedah kepada 5,213 orang penduduk, di bawah rancangan bekalan air luar bandar.

Enam belas rancangan bekalan elektrik luar bandar dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan juga telah dilaksanakan di daerah ini dalam tempoh yang sama.

Kira-kira 1,500 orang penduduk dapat faedah darinya dan rancangan tersebut menelan belanja lebih kurang \$2.5 juta.

Elektrik

Di samping Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri turut membantu membekalkan elektrik ke luar bandar bagi tempoh tersebut dengan belanja kira-kira \$348,000. Di bawah rancangan ini, 16 buah projek dapat dilaksanakan dengan memberi faedah kepada 274 orang.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat ini, kira-kira \$6.1 juta lagi akan dibelanjakan dalam rancangan-rancangan bekalan air luar bandar yang melibatkan lapan buah projek. Dari jumlah itu \$1 juta dibelanjakan untuk tahun 1981.

Di bawah rancangan bekalan elektrik luar bandar yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan

pula, lima projek dirancang untuk Rancangan Malaysia Keempat yang melibatkan 11 buah kampung dengan belanja kira-kira \$169,000 saja. Ini adalah kerana di kebanyakan kampung itu kerja-kerja talian utama sudah pun dilaksanakan.


Jalan

Jalan merupakan satu keperluan penting bagi penduduk petani bagi memudahkan mereka membawa keluar hasil pertanian mereka. Di

daerah Rembau ini kira-kira \$765,000 dibelanjakan antara 1978 hingga 1981 untuk membina jalan-jalan kampung yang diturap tar. Kira-kira 22 km. jalan sedemikian dapat disiapkan dalam tempoh tersebut.

Sementara itu, mana-mana jalan yang tidak sempat diturap tar, kerja-kerja penyelenggaraan termasuk meratakan dengan batu "gravel" terus dilaksanakan dengan belanja kira-kira \$149,000.

Perlu juga disebut bahawa 99.9 peratus dari 24 rancangan jalan kampung yang diselenggara-



Rancangan Bekalan Air Bukit Beringin.



Rancangan jalan "D.O" kini memberi kemudahan kepada sebahagian besar penduduk kampung di Rembau.

kan oleh Pejabat Daerah Rembau ini siap dilaksanakan.

Di samping itu kerja-kerja melaksanakan projek-projek kecil juga berjalan dengan baik di daerah Rembau ini.

Bagi tempoh setahun 1981, empat puluh projek kecil telah dilaksanakan, yang mana 27 darinya dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan manakala 13 yang lain dibiayai oleh Kerajaan Negeri.

Seratus peratus projek ini telah siap tepat pada waktunya dan belanja \$126,000 telah dikeluarkan, iaitu kira-kira \$61,500 biaya Kerajaan Persekutuan dan \$65,000 biaya Kerajaan Negeri.

Antara projek yang dilaksanakan di bawah rancangan ini ialah memperbaiki rumah ibadat, membina jambatan, membekal tanah merah dan lain-lain projek kecil yang mendatangkan faedah kepada rakyat.

Kesihatan

Bagi menjamin tahap pembangunan yang baik, taraf kesihatan penduduknya juga perlu berada di tahap yang baik. Untuk itu, kerajaan Barisan Nasional Persekutuan dan Negeri berusaha mewujudkan satu sistem perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang sempurna di daerah ini.


Di daerah ini telah terbina dua buah pusat kesihatan besar dan 11 buah klinik desa.

Rancangan pembangunan perkhidmatan kesihatan ini akan diperhebatkan lagi di daerah ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat di mana 10 rancangan telah disusun, yang mana sembilan darinya menelan belanja kira-kira \$1.7 juta.

Antara rancangan yang akan dijalankan ialah pembelian tapak untuk hospital daerah, pembinaan empat klinik daerah di Kundur, Cembong Halt, Semerbok dan Pilin, Pusat Kesihatan Besar Pedas dan Sekolah Latihan Luar Bandar.

Rancangan Pemulihan Kampung

RPK atau Projek Pemulihan Kampung telah dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional bermula 1979 bertujuan menaikkan taraf



Di bawah RPK, jalan dan jambatan begini dibina.

kampung-kampung tradisional ke satu taraf yang lebih sempurna.

Di bawah ini 37 buah kampung telah mendapat faedahnya dan perbelanjaan kira-kira \$820,000 telah dibelanjakan. Dalam projek membaiki rumah yang uzur, 278 buah rumah mendapat faedah manakala 345 buah projek infrastruktur telah dilaksanakan.

Dalam bidang pelajaran pula, lima buah sekolah menengah dan 42 buah sekolah rendah telah dibina di daerah ini.

Pelajaran

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat ini, sembilan projek pembangunan pelajaran bakal dilaksanakan dengan menelan belanja kira-kira \$1.2 juta.

Ini termasuklah pembinaan dua buah sekolah rendah yang baru di Pilin dan Titian Bintangor, pembinaan rumah guru, makmal sains, memasukkan bekalan elektrik ke sekolah dan lain-lain rancangan yang ada kaitannya dengan pelajaran.



Pusat Kemajuan Kemas di Pekan Rembau.

Kemas

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) turut memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat luar bandar. Jabatan itu setakat ini mewujudkan 17 buah taman bimbingan kanak-kanak, mewujudkan Pusat Kegiatan Kemas di samping memberi kursus dalam berbagai bidang kemahiran.

Dari segi kebajikan pula, 4,659 orang yang kurang bernasib baik kerana cacat, tua atau ditinggalkan yatim telah diberi bantuan berjumlah kira-kira \$520,000 antara tahun 1978 hingga 1981.

Rumah usang diganti dengan yang baru
— begitulah konsep RPK.



Fasa dua Rancangan Rumah Rakyat Pedas.

Perumahan

Rancangan perumahan rakyat merupakan satu projek yang turut mendapat keutamaan kerajaan Barisan Nasional. Setakat 1981 kerajaan telah membina 378 unit rumah. Sejumlah 650 unit lagi akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Keempat ini.

Di samping itu dua skim Desa Permai turut dilaksanakan bagi tempoh awal Rancangan Malaysia Keempat, iaitu 151 lot di Pedas dan 145 lot di Pilin.

Sistem Kampung Baru turut diwujudkan di mana dua projek seumpama itu telah dilaksanakan. Di bawah skim ini kerajaan mengagih-agihkan lot-lot tapak rumah dan kebun getah seluas

tiga ekar bagi setiap keluarga.

Sistem racek di mana kerajaan membeli tanah estet dan di lot-lotkan juga dilaksanakan di daerah ini untuk memberi tapak rumah kepada rakyat.

Industri

Walaupun daerah Rembau ini merupakan daerah pertanian, tetapi unsur-unsur perindustrian moden perlu diperkenal dan dilaksanakan. Untuk itu sebuah pusat perindustrian seluas 82.8 hektar telah diwujudkan di Cembong.


Setakat ini dua buah kilang telah pun didirikan di situ manakala pelaburan dari 14 pelabur lain telah diluluskan untuk ke tapak itu.

Apabila tertegaknya kesemua kilang itu kelak kira-kira 3,000 peluang pekerjaan dapat diwujudkan. Di samping itu sebuah kawasan perindustrian kecil akan juga diwujudkan di

Cembong dengan keluasan kira-kira 12.3 hektar.

Cembong akhirnya akan wujud sebagai sebuah bandar satelit dengan kemudahan perumahan, serta khidmat-khidmat kerajaan yang lain.

Kawasan Perindustrian Cembong — hasrat memindahkan teknologi moden ke luar bandar.




Ekonomi Bumiputera

Di sini juga sudah didirikan 10 unit gerai dalam usaha kerajaan Barisan Nasional Negeri memberi peluang perniagaan kepada kaum bumiputera.

Pada keseluruhannya antara tahun 1978 hingga 1981 kerajaan, melalui pejabat daerah, telah membina 81 buah gerai dengan belanja kira-kira \$389,000.

Tiga buah gerai juga telah diperuntukkan di bawah Rancangan Belia Berniaga di mana pinjaman berjumlah kira-kira \$7,000 telah diluluskan.


Bagi menampung pertumbuhan yang semakin pesat di daerah ini, dua buah pekan baru telah dirancang untuk diwujudkan iaitu di pinggir bandar Rembau sekarang seluas 98.4 hektar dan di Lubuk Cina seluas 20.5 hektar.



Pembinaannya adalah untuk membantu bumiputera berniaga.



Salah sebuah gerai bumiputera di Pekan Rembau.



Gerai yang lebih selesa dan luas dibina di Cem



Kampung Baru Cina di Sungai Beringin — kaum lain turut mendapat nikmat dari sistem pembahagian tanah dan ekonomi kerajaan Barisan Nasional.

Penutup

Secara ringkas kita telah mengetahui berbagai rancangan berfaedah yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan untuk memajukan lagi masyarakat di daerah Rembau ini.

Melalui rancangan-rancangan itu dapatlah kita yakinkan bahawa kerajaan Barisan Nasional yang diberi mandat memerintah negeri dan daerah ini telah melaksanakan tugas-tugasnya sejajar dengan inspirasi dan hasrat rakyat.

Banyak lagi rancangan telah disusun dan bakal dilaksanakan oleh kerajaan yang dipilih rakyat ini. Ia tidak mungkin dapat dilaksanakan kelak jika kerajaan Barisan Nasional hari ini tidak diberi peluang sekali lagi untuk mentadbir.

Oleh itu jalan yang paling sesuai untuk menikmati pembangunan yang lebih pesat dan berkesan kelak ialah dengan memberi sokongan yang terus-menerus kepada kerajaan Barisan Nasional ini.

Tiada sesuatu dalam perjuangan hidup kita yang bulat datang menggolek, yang pipih datang melayang melainkan dengan usaha sekutu. Berpadulah kita sesama kita di belakang pemimpin dan kerajaan.